



PELAJARAN ASAS FARDU AIN (PAFA)

KELAB RAKYAT MALAYSIA JUBAIL

PEPERIKSAAN AKHIR

SUBJEK AQIDAH


KATEGORI C

2018/2019

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI HINGGA DIBERITAHU

- 1. BACA DAN FAHAMI KEHENDAK SOALAN SEBELUM MENJAWAB**
- 2. SILA MENJAWAB SEMUA SOALAN**


NAMA : _____ **KELAS :** _____



Bahagian A

Arahan : Bulatkan jawapan yang betul.

1. Hukum beriman dengan Qada' dan Qadar ialah ...
A . harus.
B . sunat.
C . wajib.
2. Faedah beriman dengan Qada' dan Qadar adalah
A . sabar.
B . gagal.
C . malas.
3. Berikut adalah pernyataan yang betul berkaitan dengan beriman dengan Qada' dan Qadar Allah **kecuali** ...
A . Abu sabar menjaga ibunya yang sakit.
B . Abdullah bersyukur setelah terselamat dalam kemalangan jalanraya.
C . Fatimah amat sedih dan berputus asa kerana gagal dalam peperiksaan.
4. Mereka yang beriman dengan sifat Wahdaniyah akan mendapat ...
A . dosa.
B . pahala.
C . harta.
5. Dalil naqli yang membuktikan sifat Allah itu Esa adalah daripada Surah ...
A . al Ikhlas.
B . al Falaq.
C . an Nas.



6. Ayat di atas adalah dalil naqli Allah bersifat
- A . Qudrah
 - B . Iradah
 - C . 'Alim
7. Berikut adalah ciri-ciri Allah Maha Berkuasa ...
- i. Kuasa Allah tiada bandingan.
 - ii. Allah memerlukan bantuan Malaikat.
 - iii. Allah berkuasa menjadikan sesuatu dengan kehendakNya.
 - iv. Allah berkuasa memusnahkan sesuatu dengan kehendakNya.
- A . i, ii, iii
 - B . i, iii, iv
 - C . ii, iii, iv
8. Iradah Allah ... terbatas sementara kehendak manusia ... terbatas.
- A . tidak ... tidak
 - B . amat ... tidak
 - C . tidak ... amat
9. Di antara berikut akibat mengingkari sifat Iradah Allah.
- A . Malas untuk berusaha.
 - B . Tidak mudah putus asa.
 - C . Iman akan bertambah kukuh.
10. Salah satu tujuan beriman dengan sifat Ilmu Allah ialah untuk ...
- A . menunjukkan kepandaian diri.
 - B . menghina orang lain.
 - C . berfikir ke arah kebaikan.

/ 10

Bahagian B

Arahan : Padankan erti pengertian perkataan di bawah.

1. Qada'	•	•	Berkehendak
2. Qadar	•	•	Berkuasa
3. Wahdaniyah	•	•	Ketentuan
4. Qudrah	•	•	Mengetahui
5. Iradah	•	•	Pelaksanaan
6. 'Alim	•	•	Tunggal

Arahan : Berikut adalah dalil naqli Surah Al-Ikhlâs, Allah bersifat Wahdaniyah.
Padankan maksud surah tersebut.

		بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Dan tidak ada sesiapa pun yang setara denganNya.	•	7. قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ
Katakanlah (wahai Muhammad), (Tuhanku) ialah Allah Maha Esa.	•	8. اللَّهُ الصَّمَدُ
Ia tiada beranak dan ia pula tidak diperanakkan.	•	9. لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ
Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat.	•	10. وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ

Bahagian C

Arahan : Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.



1. Orang yang tidak beriman kepada Qada' dan Qadar akan menjadi _____ kerana mereka telah mengingkari ilmu Allah ta'ala dan takdirnya.
2. Mustahil Allah SWT _____ .
3. Allah Maha Berkuasa ke atas semua _____.
4. Allah melakukan sesuatu tanpa _____ dengan sesuatu.
5. Harta paling bernilai ialah _____ .

Arahan : Gariskan jawapan yang betul.

6. Orang yang beriman akan menerima dugaan Allah SWT dengan _____.
[marah / sabar]
7. Sifat tunggal Allah SWT ertinya ialah tunggal pada sifat dan _____.
[badan / zat]
8. Antara tanda kekuasaan Allah SWT ialah terciptanya _____.
[semua makhluk / bangunan tinggi]
9. Tujuan beriman dengan sifat Allah, iman menjadi _____. [lemah / kuat]
10. Dengan ilmu kita boleh meningkatkan _____ kepada Allah SWT.
[ketaqwaan / keenggaran]

/ 10

Bahagian D

Arahan : Tandakan jawapan yang salah.



pada jawapan yang betul dan



pada

1. Seseorang akan jauh dari rahmat Allah jika beriman kepada Qada' dan Qadar. ☐
2. Berdoa dan bertawakal adalah jalan terakhir selepas berusaha. ☐
3. Allah SWT tidak berketurunan. ☐
4. Allah SWT itu wujud tetapi wujudnya Allah SWT tidak sama dengan makhluk ciptaan Allah SWT. ☐
5. Allah SWT menyerahkan segala kerja mentadbir bumi kepada malaikat. ☐
6. Perbuatan Allah SWT tiada siapa yang dapat menghalangnya. ☐
7. Allah bersifat lemah dan tidak mampu mencipta alam ini. ☐
8. Maksud "كُنْ فَيَكُونُ" adalah "jadilah maka terjadilah". ☐
9. Allah SWT tidak mengetahui perkara yang akan berlaku. ☐
10. Tiada sesuatu pun yang terlepas dari pengetahuan Allah SWT. ☐

/ 10

Disediakan oleh,

(Hjh. Sh. Faridah Hanim Tg Embong)

Mu'alimah PAFA DMC

Sessi 2018/19

Disemak oleh,



(Hjh Munirah binti Talib)

Guru Akademik PAFA

Sesi 2018/2019